

Usaha bersepadu diperlukan atasi masalah penyalahgunaan dadah

Oleh Yap Slong Han

UB 25.10.2021 P. 03

KOTA KINABALU: Usaha kolaboratif secara bersepadu daripada pelbagai pihak perlu dilaksanakan bagi mengatasi permasalahan penyalahgunaan dadah di peringkat awal.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Madya Dr. Ramzah Dambul berkata, dalam menangani masalah berkenaan, usaha satu pihak sahaja tidak mencukupi.

"Masyarakat perlu bersama-sama dengan pihak kerajaan dalam memastikan persekitaran kita bebas daripada sebarang masalah berkaitan dadah dan gejala-gejala sosial yang lain."

"Selain itu, sasaran utama penagihan dadah ialah generasi muda yang juga modal insan yang akan mengemudi negara pada masa hadapan."

"Mereka perlu dilengkапkan dengan jati diri yang kukuh agar dapat menghindari permasalahan sosial termasuk penyalahgunaan dadah," katanya ketika merasmikan Bengkel Perkongsian dan Kerjasama Bersama Rakan Strategik,

Generasi muda perlu dilengkапkan dengan jati diri yang kukuh



RAMZAH

Rakan Pintar serta badan bukan kerajaan (NGO) di sini kelmarin.

Penyelaras dan Moderator program berkenaan ialah Profesor Madya Dr. Muhammad Idris Bahari.

Ramzah berkata, generasi muda perlu sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat melalui penglibatan aktif dalam aktiviti positif bagi mengelakkan terjebak dengan aktiviti pelencongan sosial dan penyalahgunaan dadah.

Sehubungan itu katanya, hasil daripada bengkel ini diharapkan dapat menjadi wadah kepada kejayaan dalam melaksanakan program-program bagi setiap lapisan masyarakat di Sabah.

"Khususnya untuk bersatu hati serta sejiwa dalam menangani masalah ancaman dadah daripada terus menceroboh entiti sesebuah komuniti dan merosakkan minda masyarakat."

"Beri kesedaran tentang bahayanya dadah kepada setiap lapisan masyarakat agar dapat mengekang dan menanam kesedaran mengenai bahaya dadah," katanya.

Menurutnya, isu penyalahgunaan dadah bukan sahaja masalah domestik yang hanya dihadapi di Malaysia tetapi seluruh dunia.

Katanya, tidak dinafikan penagihan, pengedaran dadah yang berleluasa boleh mengancam kesejahteraan sosioekonomi, rohani, budaya rakyat jelata serta seterusnya melemahkan ketahanan nasional dan keselamatan negara.